

17 NOV 1997

SAHAM THBI TERLEBIH LANGGANAN 3.84 KALI

KUALA LUMPUR, 17 Nov (Bernama) -- Tawaran THB Industries Bhd (THBI) yang membabitkan sejumlah 4.2 juta saham untuk langganan awam terlebih langgan pada kadar 3.84 kali.

Ia menerima 15,078 permohonan bagi 20.32 juta saham, kata Mohd Shuib Abdul Ghani, pengurus besar MIDF Consultancy and Corporate Services Sdn Bhd.

Bagi bahagian Bumiputera, sejumlah 8,065 permohonan bagi 10.49 juta saham telah diterima, menjadikannya lebih langgan pada kadar 7.33 kali, katanya di majlis pengundian saham THBI hari ini.

THBI membuat tawaran untuk jualan sebanyak 12.262 juta saham RM1.00 setiap satu pada harga RM2.50 sempena cadangan penyenaaraiannya di papan utama Bursa Saham Kuala Lumpur.

Daripada sebanyak 12.262 juta saham itu, sejumlah 912,000 saham dikhaskan untuk pengarah dan kakitangan THBI yang layak dan Tongkah Holdings Bhd manakala 1.812 juta saham diperuntukkan bagi pemegang saham Bumiputera THBI yang sedia ada dan 5.338 juta saham untuk pelabur Bumiputera yang diluluskan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, dan 4.2 juta saham untuk langgan awam.

Di upacara cabutan undi tersebut, pengerusi eksekutif THBI, Mokhzani Mahathir berkata bahawa syarikatnya berpuas hati dengan minat dan sambutan daripada orang ramai terhadap THBI seperti terbukti pada lebih langgan tersebut memandangkan keadaan pasaran sekarang.

Kumpulan THBI bergiat dalam industri kejuruteraan jitu yang merupakan industri sampingan kepada sektor kecil separa konduktor dan elektronik pengguna dari industri elektronik.

Kumpulan tersebut pada amnya menyokong syarikat multi-nasional dalam industri separa konduktor dan elektronik pengguna seperti National Semiconductor, Hewlett Packard, C Adams Materials, Carsem Semiconductor dan AMD.

Pada masa ini, THBI mengeksport 15 peratus daripada pengeluarannya ke Amerika Syarikat, Jepun, Thailand, Singapura dan Filipina.

Katanya oleh kerana keupayaan pengeluaran yang sedia kumpulan tersebut belum digunakan sepenuhnya, maka syarikat itu merancang untuk mempelbagaikan kegiatannya ke bidang fabrikasi dan pemasangan acuan dan peracuan bagi semua jenis industri. Ia berhasrat menjadi pusat setempat bagi semua keperluan peracuan.

Pengarah urusan kumpulan tersebut, Koay Hean Eng berkata THBI sedang meninjau untuk mendirikan kilangnya sendiri di Filipina dan China menjelang tahun depan.

Kumpulan tersebut telahpun menubuhkan pejabat jualan di Filipina sejak empat bulan lalu dan THBI merancang untuk mendirikan kilang di sana memandangkan terdapat permintaan yang menggalakkan terhadap barangan syarikatnya, kata beliau.

Mengenai cadangan perkembangan di China, Koay berkata THBI telah diminta oleh rakan kongsinya supaya menyokongnya di sana.

Kumpulan itu juga merancang untuk melabur RM1 juta dalam automasi agar daya pengeluarannya dapat dipertingkatkan, katanya.

Koay menambah bahawa THBI akan terus menumpukan pada pengeluaran alat-alat jitu untuk industri elektronik pengguna dan separa konduktor kerana masih terdapat ruang untuk pembesaran.

Ditanya mengenai persaingan dalam industri kejuruteraan jitu, katanya

terdapat hanya dua pesaing -- LKT Industrial Bhd dan Eng Tehnology Holdings Bhd, kedua-duanya berpangkalan di Pulau Pinang. -- BERNAMA
MK MA